

Peluang naik pangkat jika tidak minat jadi pegawai pendidikan

# Guru super diperkenal

Oleh Kadir Dikoh, Minarni Mat Saad, Syuhada Choo Abdullah dan Norzilawati Abdul Halim

SHAHALAM:Guru yang enggan menjadi pegawai pendidikan atau pentadbir kerana mahu terus mengajar, akan turut menikmati kenaikan pangkat apabila mereka dilantik sebagai guru super tidak lama lagi.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan, guru yang masih berminat menjadi pendidik, boleh kekal di sekolah dengan pangkat mereka dinaikkan setaraf jawatan guru besar atau pengetua.

Dengan itu, mereka dapat menikmati gred gaji lebih tinggi daripada sekarang iaitu serupa dengan skala pegawai yang sama taraf di kementerian atau Jabatan Pelajaran Negeri.

## Syarat jadi guru diperketat - Muka 2

Perdana Menteri berkata, Kementerian Pelajaran sedang berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mengkaji struktur gred gaji guru besar atau pengetua sekolah dan berharap ia dapat dilaksanakan secepat mungkin.

"Langkah ini tidak akan membabitkan perubahan besar dalam struktur perkhidmatan, cuma sekadar menambah jawatan dalam skim perkhidmatan perguruan sekarang supaya berlaku kenaikan pangkat.

"Sebenarnya, cadangan ini saya kemukakan pada 1984 lagi iaitu ketika saya, menjadi Menteri Pelajaran," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan sambutan Hari Guru 2004 Peringkat Kebangsaan di Stadium Malawati di sini, semalam.

"Tibalah masanya bekas Menteri Pelajaran ini akan membantu menyelesaikannya dan menghasilkan kerja ini sebagai satu kenyataan," katanya.

Hadir sama Menteri Pelajaran, Datuk Hishamuddin Hussein; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Ambrin Buang dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abdul Rafie Mahat.

Abdullah berkata, melalui langkah itu, seseorang guru akan memegang jawatan guru besar atau pengetua pada taraf skala yang lebih tinggi daripada sekarang seperti juga pegawai berskala tinggi di jabatan kerajaan.

"Guru besar atau pengetua yang berpengalaman itu nanti boleh memberi bimbingan kepada guru bawahannya secara latihan praktikal. Guru perlu diberi peluang berkhidmat di sekolah sebagai guru. "Ada guru yang tidak berminat menjadi pentadbir tetapi lebih suka untuk menjadi guru. Dengan itu, kita perlu mewujudkan peluang untuk kenaikan pangkat mereka ini ke tahap yang tinggi. Ini bermakna mereka tidak payah berusaha untuk menjadi